

Headline	Pelajar asing tertarik bahasa Melayu	Language	MALAY
Date	21. Feb 2008	Page No	16
Media Title	Utusan Malaysia	Article Size	102 cm2
Section	Dlm Negeri	Frequency	Daily
Circulation	238082	Color	Full Color
Readership	833287		



Pelajar asing tertarik bahasa Melayu



PARA pemidato dari pelbagai negara membuat tanda bagus kerana menyertai Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu bagi merebut Piala Timbalan Perdana Menteri di Universiti Putra Malaysia, Serdang, semalam.

Oleh NORILA DAUD

SERDANG 20 Feb. - Kegemaran menonton filem-filem Melayu lakonan seniman Tan Sri P. Ramlee, mendorong seorang pelajar Somalia, **Abdi Karim Mohamed Khared**, 24, mempelajari secara mendalam bahasa Melayu.

Peluang itu diperoleh daripada temannya yang berasal dari Kedah yang tinggal berjiran dengannya di Emiriah Arab Bersatu (UAE). "Saya menonton puluhan filem P. Ramlee dan ia membantu saya bertutur bahasa Melayu dengan fasih," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Abdi Karim merupakan seorang daripada 28 peserta Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu bagi merebut Piala Timbalan Perdana Menteri 2008 di Universiti Putra Malaysia di sini.

Menurutnya, dia amat tertarik dengan lengkok bahasa Melayu terutama apabila memuji seperti perkataan 'amboi' atau 'cantiknya'.

Abdi Karim, penuntut Teknologi Maklumat dari Universiti Antarabangsa Ajman, UAE, berkata, beliau bangga dapat bertutur dalam bahasa keempat paling ramai digunakan di dunia selain Inggeris, Sepanyol dan Mandarin.

Para peserta antarabangsa itu berada pada pusingan saringan hari kedua dalam pertandingan anjuran Kementerian Pengajian Tinggi itu bagi merebut hadiah RM10,000 untuk juara, RM6,000 naib juara dan tempat ketiga RM3,000.

Sementara itu, dalam kategori nusantara, seramai 11 peserta dari enam negara termasuk Malaysia mengambil bahagian dalam pusingan kedua hari ini.

Esok, 10 peserta terbaik peringkat antarabangsa dan tujuh dalam kategori nusantara akan menyertai pusingan separuh akhir.

Sementara itu, **Han Xiao**, 23 dari China,

penuntut Ijazah Sarjana di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya mempelajari bahasa Melayu kerana keunikan bahasa itu di samping budayanya yang kaya dengan kesopanan dan budi bahasa.

Ditanya tentang penggunaan bahasa rojak, Han Xiao berkata, seseorang itu perlu bercakap dalam bahasa Melayu yang lengkap dan tidak boleh dicampuradukkan kerana ia akan melemahkan keindahannya.

Pepatah Melayu

"Orang-orang Melayu perlu mengagungkan bahasa Melayu di samping menguasai bahasa Inggeris," katanya yang petah dan suka menggunakan pepatah Melayu dan pantun ketika berpidato.

Pertandingan akhir akan diadakan Jumaat ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Pidato itu turut disertai pelajar dari Jepun, India, Afghanistan, Amerika Syarikat, Argentina, Romania, Kemboja, Ukraine, Vietnam dan Bangladesh.

Seorang peserta cacat penglihatan, **Nicholas Charles Parson**, 21, dari Australia 'jatuh cinta' dengan bahasa Melayu setelah banyak mendengar lagu-lagu dan puisi di samping menyukai loghat Melayu yang inah dan unik.

Penuntut jurusan undang-undang dan bahasa Melayu di Australia National University di Canberra itu berkata, toleransi dan perpaduan rakyat di Malaysia adalah sangat dikagumi.

Alena Bykova, penuntut Moscow State University pula berkata, dia tertarik untuk mempelajari bahasa Melayu setelah banyak membaca maklumat tentang pembangunan yang dicapai oleh Malaysia menerusi Internet.

"Antara banyak bahasa di Asia, saya memilih bahasa Melayu kerana saya tertarik dengan adat dan keindahan bahasa

itu.

"Bahasa itu bukanlah mudah seperti yang difikirkan kerana pada sesetengah keadaan kita perlu berfikir seperti orang Melayu untuk memahaminya dan bertutur dengan lebih jelas," katanya.

Tom Gunnar Hoogervorst, 23, dari Universiti Leiden, Belanda pula mempelajari kesusastraan Melayu kerana ia yang tertua di Asia selain China dan India.

"Kini saya sedang mempelajari tulisan jawi untuk memudahkan saya membaca dan mengkaji dokumentasi dan sejarah Melayu di bilik bacaan Institut KITLV yang memfokuskan penerbitan di nusantara sejak abad ke-18," jelasnya.

Penyertaan Hoogervorst pada pertandingan itu adalah kali kedua di bawah penyeliaan pensyarahnya seorang rakyat Malaysia yang menduduki kursi Malaysia di University Leiden.